

Isu "anjing Umno": Saya katakan yang benar, kata Tony Pua
Malaysian Insider
Oct 6 , 2013
Oleh YISWAREE PALANSAMY

Ketua Publisiti DAP Tony Pua (pic) mempertahankan kenyataannya merujuk Pendaftar Pertubuhan (ROS) dan Utusan Malaysia sebagai "anjing Umno" apabila berkata beliau "hanya memperkatakan apa yang benar".

"Bukankah Utusan bangga melaksanakan arahan Umno? Kenapa mereka merungut? Saya katakan yang benar," kata Pua kepada The Malaysian Insider.

Beliau berkata akhbar berkenaan telah beberapa minggu mendesak Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng dan Lim Kit Siang termasuk beberapa pemimpin tertinggi ditolak perwakilan ketika pemilihan ahli Jawatankuasa Pusat (CEC) parti itu.

Bagaimanapun jelasnya, kenyataan-kenyataan dikeluarkan Utusan tidak lain hanyalah menyuarkan kenyataan Umno.

"Jadi dimana silapnya? Perwakilan kami memperlihatkan Utusan umpama meludah ke langit, itu realitinya," kata Pua.

"Saya masih sama macam dulu, kini, dan selamanya. Terima kasih kepada Utusan kerana mengatakan kebenaran," katanya menyindir Utusan.

Pua mengeluarkan kenyataan pada malam pemilihan DAP pada 29 September ketika pemilihan CEC DAP menunjukkan semua anggota kekal tanpa sebarang perubahan.

DAP diarahkan oleh ROS supaya mengadakan pemilihan semula berikuta dakwaan penyelewengan ketika pemilihan sama pada Disember tahun lalu.

Utusan kemudiannya menjadi pihak menuntut DAP menjalankan pemilihan yang bersih apabila sebahagian ahlinya membuat aduan terdapat keraguan ketika pemilihan mereka.

Ruangan kolumnis Utusan, Awang Selamat, berkata beliau tidak tahu apa masalah Pua sebenarnya.

"Ternyata Pua tidak cukup yakin berhujah dengan cara tertib," kata Awang dipetik akhbar Mingguan Malaysia hari ini.

"Untuk apa marah kepada ROS jika DAP berada di pihak yang benar dalam semua aspek pemilihan tersebut. Kalau sudah di dalam bernerah dan busuk, jangan terbeliakkan mata histeria pada pihak luar," memetik kenyataan Awang.

Pua mempunyai sejarah dengan Utusan apabila mengatakan akhbar berkenaan memutar belit kenyataannya.

Pada 29 September, Pua menulis di laman Facebook miliknya bahawa ROS dan Utusan adalah "anjing Umno".

"Tahniah kepada kematangan perwakilan DAP yang mengundi 20 Ahli Jawatankuasa Pusat, bukti tiada elemen salah laku. Pendaftar Pertubuhan boleh pergi ****."

Posting berikutnya pula berkata: "Ahli yang dilantik telah mengadakan mesyuarat bersama 10 ahli yang sama dalam pemilihan sebelum ini. CEC kali ini juga bersetuju mengekalkan Karpal Singh sebagai Pengerusi dan Lim Guan Eng sebagai Setiausaha Agung. Umno dan anjingnya, Utusan dan ROS boleh pergi....!" - 6 Oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/isu-anjing-umno-saya-katakan-yang-benar-kata-tony-pua1>